

01/11/2000

Tindakan Ezam sabotaj ekonomi perlu dikutuk

Putera Kajang

TIDAK kira parti mana anda sokong, tindakan Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor, dan konco-konconya memburukkan kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan mensabotaj ekonomi negara di luar, wajar dipandang berat dan harus dikutuk sekeras-kerasnya.

Jelas tindakan paling tidak rasional itu sekadar mendedahkan tahap kebebalan Ezam menangani isu politik negara dan kebobrokannya Keadilan pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail untuk mengambil alih pemerintahan negara ini.

Ezam boleh saja untuk tidak menyukai Dr Mahathir dan kita faham mengapa dia begitu benci terhadap Perdana Menteri. Tetapi apa rasionalnya pula bagi Ezam untuk mensabotaj ekonomi negara?

Kita semua harus menyedari tindakan Ezam mempengaruhi pelabur asing, khususnya dari Amerika Syarikat yang mengikut dakwaannya telah berjaya dilakukannya, akan memberi kesan buruk kepada kehidupan rakyat secara keseluruhannya.

Ini tentunya membabitkan semua rakyat, baik yang menyokong Pas, DAP atau PRM, termasuk mereka yang duduk di atas pagar.

Bagaimanapun, saya percaya Ezam terlupa bahawa kerajaan Amerika dan pelabur dari negara berkenaan adalah dua perkara berbeza.

Kerajaan AS adalah boneka kepada Yahudi manakala pelabur dari AS pula berorientasikan keuntungan.

Tidak syak lagi kerajaan Amerika sangat berminat dengan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga mempunyai tahap kebencian yang sangat tinggi terhadap Dr Mahathir. Begitu juga sikap Yahudi terhadap negara Islam.

Keceluparan Naib Presiden, Al-Gore, ketika menghadiri sidang Apec di Kuala Lumpur pada November 1998 sudah cukup membuktikan kecenderungan mereka itu.

Mungkin Ezam boleh dan telah mempengaruhi sebahagian kecil ahli Republikan atau Demokrat serta pelabur baru buat seketika. Tetapi dia tidak mungkin dapat menghalang pelabur besar seperti Intel, Texas, Microsoft dan banyak lagi yang telah bertapak kukuh sejak lama dulu.

Syarikat-syarikat besar ini tentunya mempunyai pakar ekonomi sendiri untuk mengkaji iklim politik, tenaga buruh yang murah dan sebagainya sebelum melabur.

Dan sememangnya syarikat besar dari Amerika telah membuat keputusan tepat untuk melabur di Malaysia.

Siapalah Ezam di mata Bill Gates, orang terkaya di dunia dan warga Amerika yang turut terbabit secara langsung membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menjadi kebanggaan kita kini.

Mereka tidak memerlukan orang seperti Ezam untuk memberitahu bila dan cara mana untuk mereka melabur.

Mereka jauh lebih bijak daripada pemimpin hingusan ini yang banyak dipengaruhi bekas bosnya, Anwar.

Laporan terbaru akhbar The Straits Times Singapura mendakwa kumpulan penyokong Anwar telah mengupah sebuah firma hal ehwal perhubungan awam dan strategi politik, Janus Merit Strategy (JMS), sebanyak AS\$50,000 (RM190,000) bagi tempoh empat bulan bermula Ogos lalu untuk memburukkan Malaysia.

Menurut laporan itu, tugas JMS ialah meningkatkan kesedaran antarabangsa mengenai kes Anwar dipenjarakan dan menggesa tekanan ekonomi dikenakan terhadap negara ini sehingga Anwar dibebaskan.

AS\$50,000 adalah satu jumlah yang sangat besar. Ini mencetuskan tanda tanya dari sumber mana penyokong Anwar mendapat wang sedangkan mereka selalu mendakwa mereka adalah golongan tertindas dan tidak ada kroni yang boleh menyalurkan jutaan ringgit.

Berita ini juga sekadar mengingatkan kita kembali kepada pengakuan bersumpah Bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, yang mendakwa dia secara sedar mengetahui Anwar mempunyai dana bernilai RM3 bilion.

Wang yang besar ini antara lain ialah untuk melunaskan hutang yang ditanggung oleh kroni Anwar yang bermasalah. Jika benar dakwaan ini, apakah mungkin wang itu masih cair. Tindakan tegas dan segera perlu diambil.

Selalu sangat Ezam mencabar kerajaan supaya mendakwanya di mahkamah dan selalunya berita itu berlalu begitu saja.

Mungkin Ezam bukanlah seorang pemimpin yang boleh memudaratkan negara tetapi tindakan terbarunya ini harus menjadi perhitungan serius kepada kerajaan untuk menunaikan hajat besarnya itu.